



SPP

LAPORAN  
*Persidangan*  
**PERKHIDMATAN PENDIDIKAN 2024**

Transformasi Pendidikan  
Pemacu Malaysia MADANI:  
*Satu Wacana Baharu*

JUBLI EMAS  
SPP  
50  
1974-2024  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
PEMANGKIN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

6 JUN 2024  
BANGI AVENUE CONVENTION CENTER (BACC)



SPP

LAPORAN  
*Persidangan*  
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN 2024

Transformasi Pendidikan  
Pemacu Malaysia MADANI:  
Satu Wacana Baharu



6 JUN 2024  
BANGI AVENUE CONVENTION CENTER (BACC)



# Kandungan

## BAHAGIAN I

Aturcara Persidangan	1
Rangkuman Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2024	2
Objektif Persidangan	4
Ucapan Alu-Aluan YBhg. Tan Sri Dr. Mazlan Yusoff Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	5
Ucapan Perasmian YB Fadhlina Sidek Menteri Pendidikan Malaysia	9

## SESI FORUM

Tema dan Subtema Forum	16
• Ucaptama YBhg. Tan Sri Dr. Mazlan Yusoff Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	17
• Slaid Ucaptama YBhg. Tan Sri Dr. Mazlan Yusoff Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	24
• Latar Belakang Panel Forum dan Moderator	35
• Laporan Forum Persidangan	41
• Soalan Peserta	55

## GALERI PERISTIWA

57

## LAMPIRAN

• Senarai Peserta	63
• Senarai Ahli Jawatankuasa	77
Sekalung Budi	81



# Atur Cara



7:30 pagi	Pendaftaran Peserta dan Sarapan
8:30 pagi	Ketibaan Dif-dif Kehormat dan Dif-dif Jemputan
9:15 pagi	Ketibaan <b>YB Fadhlina Sidek</b> Menteri Pendidikan Malaysia

## MAJLIS PERASMIAN

9:30 pagi	Nyanyian lagu 'Negaraku'
10:30 pagi	Bacaan Doa
	Persembahan Montaj Persidangan
	Ucapan Alu-aluan: <b>YBhg. Tan Sri Dr. Mazlan Yusoff</b> Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
	Ucapan Perasmian: <b>YB Fadhlina Sidek</b> Menteri Pendidikan Malaysia
	Gimik Pelancaran

10:30 pagi - 1:00 petang	<b>Sesi Forum</b> Transformasi Pendidikan Pemacu Malaysia MADANI: Satu Wacana Baharu
--------------------------	--

**Ucaptama:**  
**YBhg. Tan Sri Dr. Mazlan Yusoff**  
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

## PERBINCANGAN PANEL:

**MODERATOR:**  
**Encik Zainal bin Abas**  
Pengarah Bahagian Sumber & Teknologi Pendidikan, KPM

## AHLI PANEL:

- i. **YBrs. Tuan Haji Azman bin Adnan**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
- ii. **YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin**  
Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- iii. **YBhg. Prof. Dato' Dr. Sivamurugan Pandian**  
Pensyarah Sosiologi Politik  
Universiti Sains Malaysia
- iv. **YBhg. Prof. Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin**  
Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

1:00 petang	Makan tengah hari dan bersurau
-------------	--------------------------------

# PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN TAHUN 2024

## RANGKUMAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 dan menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-50 pada tahun 2024. Seiring dengan sambutan ulang tahun Jubli Emas SPP, satu cetusan idea dizahirkan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mazlan Yusoff, Penggerusi SPP untuk menganjurkan persidangan ini. Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas SPP telah diadakan pada 6 Jun 2024 di Bangi Avenue Convention Center (BACC) dengan objektif iaitu:

- i. menyediakan wadah bagi perkongsian pemikiran ke arah memacu perkhidmatan terbaik dalam sektor pendidikan;
- ii. menyediakan medan perbincangan untuk pihak yang berkepentingan mengenal pasti isu-isu terkini dalam perkhidmatan pendidikan dan langkah-langkah penyelesaian; dan
- iii. menjana idea bagi merealisasikan hasrat Kerajaan melaksanakan transformasi keguruan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Persidangan ini bertemakan “Transformasi Pendidikan Pemacu Malaysia MADANI: Satu Wacana Baharu” dengan empat (4) sub-tema iaitu:

- i. Pendemokrasian Pendidikan di Malaysia: Mendepani Realiti;
- ii. Landskap Baharu Pendidikan Melalui Pendigitalan: Menguasai atau Dikuasai;
- iii. Menghadirkan Jiwa dan Roh Dalam Kecemerlangan Pendidikan: Cabaran Pendidikan Masa Hadapan; dan
- iv. Dari Penyata Razak ke Pelan Pembangunan Pendidikan: Memastikan Trajektori Kecemerlangan Pendidikan.

Persidangan ini disertai oleh Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, ahli akademik Universiti, para pendidik dari sektor awam, pelajar dari Universiti Awam, wakil Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan agensi di bawahnya, wakil Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan agensi di bawahnya, wakil Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), wakil Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti The National Autism Society of Malaysia (NASOM), Yayasan Teach For Malaysia, Yayasan Sukarelawan Siswa dan lain-lain serta Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak (KGBS) dan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB).

Penganjuran persidangan ini diurus dan dikelolakan warga kerja SPP yang diketuai oleh Pengurusan Tertinggi SPP. SPP juga menjemput Encik Mohd Haziman bin Ab Ghani, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kewangan dari KPT sebagai Pengacara Majlis dan Encik Kamaruzaman bin Abdul Aziz, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Khidmat Pengurusan dari JPM sebagai Pembaca Doa.

YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia telah merasmikan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan tahun 2024 dengan kehadiran seramai 363 peserta. Sebagai permulaan, YBhg. Tan Sri Dr. Mazlan Yusoff, Penggerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan mengalu-alukan kehadiran semua peserta ke Majlis Perasmian persidangan ini dan memberi penghargaan kepada YB Fadhlina Sidek kerana sudi melapangkan masa untuk hadir bagi merasmikan persidangan ini. Beliau menerangkan jejak perjalanan lembaran sejarah SPP dari awal penubuhan sehingga ke pencapaian terkini serta usaha berterusan dengan kolaborasi melalui perkongsian data, maklumat dan kapakaran yang melibatkan SPP, KPM dan KPT. Beliau juga menekankan isu dan cabaran warga pendidik pada masa kini dan mengakhiri ucapannya dengan memperkenalkan tema serta panel forum persidangan ini kepada para hadirin.

Semasa menyampaikan perasmianya, YB Menteri Pendidikan Malaysia menekankan bahawa SPP telah memainkan peranan yang signifikan dalam melaksanakan fungsinya sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM). YB Menteri Pendidikan turut mengucapkan tahniah atas sambutan Jubli Emas 50 Tahun Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Persidangan ini merupakan cerminan iltizam dan komitmen SPP yang bersifat terbuka, dan sedia bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan khususnya KPM dan KPT dalam memajukan sektor pendidikan negara secara holistik. YB Menteri Pendidikan juga menyokong pengajuran persidangan ini yang memberi fokus kepada kepentingan sektor pendidikan sejarah dengan inisiatif Kerajaan MADANI dalam pemerkasaan pendidikan dan seterusnya merasmikan persidangan.

Agenda selanjutnya adalah Sesi Forum yang dimulai dengan ucaptama oleh YBhg. Tan Sri Dr. Pengurus SPP dan disusuli dengan satu sesi forum yang berteraskan kepada empat (4) sub tema persidangan ini. Moderator bagi sesi forum ini adalah Encik Zainal bin Abas, Pengarah Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, KPM manakala panel-panel jemputan adalah terdiri daripada:

- i. YBrs. Tuan Haji Azman bin Haji Adnan  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM)
- ii. YBhg. Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin  
Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- iii. YBhg. Profesor Dato' Dr. Sivamurugan Pandian  
Pensyarah Sosiologi Politik  
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia (USM)
- iv. YBhg. Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin  
Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Ucaptama yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Pengurus SPP menerangkan tema persidangan kali ini dengan menekankan empat (4) sub tema persidangan iaitu:

- i. Sub-tema 1: Pendemokrasian Pendidikan di Malaysia: Mendepani Realiti.
  - Isu pendemokrasian serta keperluan bagi persamaan hak yang sama rata dari segi peluang mendapat pendidikan yang berkualiti di semua peringkat masyarakat.
- ii. Sub-tema 2: Landskap Baharu Pendidikan Melalui Pendigitalan: Menguasai atau Dikuasai.
  - Potensi besar bagi penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) dalam merevolusikan metodologi pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta cabaran untuk menjayakannya di Malaysia.
- iii. Sub-tema 3: Menghadirkan Jiwa dan Roh Dalam Kecemerlangan Pendidikan: Cabaran Pendidikan Masa Hadapan.
  - Cabaran untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam membina keperibadian luhur, patriotisme dan mempunyai akhlak serta moral sebagai tunjang kejayaan sebagaimana yang didambakan oleh Gagasan MADANI.
- iv. Sub-tema 4: Dari Penyata Razak ke Pelan Pembangunan Pendidikan: Memastikan Trajektori Kecemerlangan Pendidikan.
  - Akta, Dasar serta Pelan Pembangunan Pendidikan sebagai asas dan panduan bagi memastikan kecemerlangan Pendidikan di Malaysia.

Sesi forum dimulai dengan pengenalan latar belakang para panel yang terdiri dari Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, para cendekiawan Universiti Awam yang pakar dalam bidang masing-masing dan wakil Anggota Suruhanjaya. Sesi forum mengupas keempat-empat sub tema yang telah ditentukan.

Forum persidangan menyimpulkan beberapa syor dalam mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang timbul seperti isu keciran yang masih melingkari dunia pendidikan, tahap ketersediaan membudayakan teknologi terkini, fenomena kecemerlangan tanpa roh dan jiwa dan kelesuan pencapaian di bawah penarafan antarabangsa sejarah dengan transformasi pendidikan dalam Malaysia MADANI.



## OBJEKTIF

01

Menyediakan wadah bagi perkongsian pemikiran ke arah memacu perkhidmatan terbaik dalam sektor Pendidikan.

02

Menyediakan medan perbincangan untuk pihak yang berkepentingan mengenal pasti isu-isu terkini dalam perkhidmatan pendidikan dan langkah-langkah penyelesaian.

03

Menjana idea bagi merealisasikan hasrat Kerajaan melaksanakan transformasi keguruan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.



# Teks Ucapan Alu-aluan

YBHG. TAN SRI DR. MAZLAN YUSOFF

Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

# TEKS UCAPAN ALU-ALUAN YBHG. TAN SRI DR. MAZLAN YUSOFF

Pengerusi  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

Sempena  
Persidangan Perkhidmatan Pendidikan  
Tahun 2024

*Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI*

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis  
Yang Berhormat Fadhlina Sidek  
Menteri Pendidikan

Yang Berusaha Tuan Haji Azman bin Haji Adnan  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

Yang Berusaha Profesor Dr. Azlinda binti Azman  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Yang Berusaha Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail  
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti

Yang Berbahagia Tan Sri Syed Azman bin Syed Ibrahim  
Pengerusi Lembaga Universiti Pertahanan Awam Nasional (UPNM)

Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Seri Rohani binti Abdullah  
Pengerusi Lembaga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Yang Berusaha Profesor Dr. Mohd Salmi bin Mohd Sohod  
Pengerusi Lembaga Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Yang Berbahagia Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad  
Pengerusi Lembaga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff  
Pengarah INTAN

Yang Berbahagia Dato' Dr. Hj. Megat Sany bin Megat Ahmad Supian  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)  
Kementerian Pendidikan Tinggi

Yang Berbahagia Datuk Ikhbal Hanam bin Mukras  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Yang Berusaha Encik Jamalulail bin Abu Bakar  
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam

Yang Berusaha Encik Md Radzi bin Hashim  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Barisan Anggota Suruhanjaya  
Pengurusan SPP  
Warga Komuniti Pendidikan

Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Peserta Persidangan Perkhidmatan Pendidikan yang saya hormati sekalian.

## MUKADIMAH DAN EKSPRESI PENGHARGAAN

- Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t atas limpah kurnia serta perkenan-Nya, Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2024 dapat kita laksanakan pada pagi yang berbahagia ini. Mewakili seluruh Anggota Suruhanjaya dan warga kerja SPP, saya dengan berbesar hati mengalu-alukan kehadiran semua tetamu ke persidangan yang diadakan bersempena Sambutan 50 tahun penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).
- Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan kepada Yang Berhormat Puan Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia atas kesudian melapangkan masa hadir bagi merasmikan persidangan ini.

## SPP MERENTAS MASA

Hadirin yang saya hormati,

- Menelusuri lembaran sejarah, SPP seperti yang wujud pada hari ini telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974. Penubuhannya bertitik tolak daripada syor Suruhanjaya Diraja Aziz yang mencadangkan perlunya penubuhan sebuah suruhanjaya berasingan bagi melaksanakan urusan-urusan berkaitan perkhidmatan perguruan.
- Syor tersebut dibuat setelah mengambil kira bilangan guru yang mencecah 60,000 orang, yang bersamaan satu perempat daripada keseluruhan penjawat awam pada ketika itu, merupakan satu jumlah yang besar untuk dikelola oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Hari ini, kita mempunyai sekitar 450,000 Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang keseluruhan urusan perkhidmatan mereka dikendalikan oleh SPP.
- Hakikat ini membuktikan bahawa kebijaksanaan serta pandangan jauh Ahli-Ahli Suruhanjaya Diraja yang diketuai oleh Tan Sri Abdul Aziz bin Muhammad Zain, lebih lima (5) dekad yang lalu itu mempunyai justifikasi yang kukuh dan kita seharusnya berterima kasih atas syor yang bersifat *breakthrough* itu.
- Fungsi SPP selaku Pihak Berkusa Melantik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan, adalah untuk menguruskan perkara-perkara berkaitan pelantikan, serta urusan-urusan perkhidmatan yang lain, termasuk kawalan tata tertib Anggota Perkhidmatan Pendidikan.
- Selaras dengan misi KPM untuk melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti, SPP komited menyediakan bakat terbaik bagi profesi perguruan. Usaha ini meliputi pemilihan calon dengan kelayakan yang bersesuaian, memiliki sahsiah dan keperibadian yang baik serta memastikan jumlah pengambilan yang mencukupi untuk memenuhi unjuran dan keperluan KPM.
- SPP kini mempunyai 13 orang Anggota Suruhanjaya termasuk Pengurus dan Timbalan Pengurus yang kesemuanya dilantik oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
- Rest assured YB Menteri, our team of ASJs and SPP officers are highly dedicated and engaged, ever ready to take up any task given. Just like the Spartans – the ancient Greek soldiers – who never ask how many are the enemies, but where they are, we in SPP, will never ask how many teachers do you need, but rather when do you want them to be ready and sent to you.*
- Kejayaan melantik 16,401 orang guru DG41 di bawah inisiatif pengambilan khas secara *one-off* sebelum ini, yang merupakan jumlah terbesar pernah diambil dalam tempoh setahun, menjadi testimoni bagaimana SPP berupaya mencipta tanda aras baharu urusan pengambilan melalui mekanisme *non-conventional*. Momentum ini diteruskan dengan pengambilan seramai 26,671 pada tahun 2023. Manakala pada tahun ini pula, jangkaan pengambilan adalah sekitar 22,000.

## HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

11. SPP di era Kerajaan MADANI turut menyingkap lembaran baharu dari aspek pendampingan (*engagement*) dan musyawarah (*consultation*) dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Mesyuarat Khas SPP Bersama YB Menteri Pendidikan, Mesyuarat Perhubungan *tripartite* melibatkan SPP, KPM dan KPT, serta program-program *outreach* dengan pelbagai pihak di lapangan adalah antara inisiatif-inisiatif bitara yang telah diterokai.
12. Dimensi baharu kolaborasi melalui perkongsian data, maklumat dan kepakaran telah merintis jalan kepada beberapa penambahbaikan oleh pihak KPM, antaranya pengenalan dan pemantapan Kluster Mata Pelajaran (KMP), peningkatan dalam pengambilan calon ke IPG dan penambahbaikan ke atas unjuran pengambilan.
13. Pada masa yang sama, usaha-usaha pengukuhan ekosistem dalaman SPP seperti penambahbaikan proses kerja, pemanfaatan sepenuhnya teknologi terkini serta pengukuhan dasar dan peraturan, sebagaimana yang sering ditekankan oleh YBhg. Tan Sri KSN, turut dilaksanakan secara berterusan.

## ISU DAN CABARAN WARGA PENDIDIK

Hadirin yang saya hormati,

14. Dinamika dunia pada masa kini menyaksikan perubahan global yang tidak terjangkakan. Dirujuk sebagai *Post-Normal Times*, era ini ditandai oleh terjanan tiga C, – *Contradiction* (Pertentangan), *Complexity* (Kerumitan) dan *Chaos* (Keberantakan). Ketiga-tiga ciri ini, yang hadir secara serentak, pantas dan berskala besar, seharusnya menghadirkan kita satu sentakan sedar (*wake-up call*) untuk melakukan anjakan ikhtiar agar tidak terperangkap di dalam arus deras yang melemaskan itu.
15. Sebagai penentu hala tuju dan kelangsungan negara, sektor pendidikan perlu mahir mengurus dan mengadaptasi perubahan mega yang sedang membadi. Sementara sistem pendidikan kita perlu mengambil peluang ke atas kemunculan arus teknologi terkini, persoalan-persoalan asas seperti ketersediaan infrastruktur; aksesibiliti kepada peluang pendidikan; jurang digital bandar dan luar bandar; kompetensi dan kebolehupayaan tenaga pengajar; serta keanjalan dan kebitaraan kurikulum menjadi antara prasyarat utama yang perlu diuruskan.
16. Keghairahan menguasai teknologi itu pula tidak seharusnya meminggirkan aspek-aspek nilai dan jati diri, untuk memastikan kita terus berada di landasan moral dan budaya manusia yang luhur. *And many will agree with me, that in many cases, addressing the softpart is indeed the hardest part.* Tuntasnya, langkah memastikan *equilibrium* antara kedua-dua agenda merupakan cabaran teras yang perlu ditangani.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Seminar pada hari ini, merupakan pengisian utama kepada Sambutan Jubli Emas SPP. Ia ditampilkan sebagai wahana kepada wacana segar dan kritis dalam mengupas isu-isu pendidikan negara masa kini, melalui penghujahan yang berhemah dan bertanggungjawab. Dimensi yang akan disentuh termasuklah dari aspek Pendemokrasian Pendidikan di Malaysia; Lanskap Baharu Pendidikan Melalui Pendigitalan; Menghadirkan Roh dan Jiwa Dalam Kecemerlangan Pendidikan (*Excellent with a Soul*); dan Memastikan Trajektori Kecemerlangan Pendidikan Masa Hadapan yang lebih meyakinkan.
18. Empat orang ahli panel telah bersedia untuk berkongsi pandangan mereka, dan SPP sangat menghargai sumbangan tokoh-tokoh hebat tersebut yang terdiri daripada:
  - i. YBrs. Tuan Haji Azman bin Adnan, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia;
  - ii. YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA), UKM;
  - iii. YBhg. Prof. Dato' Dr. Sivamurugan Pandian, Pensyarah Sosiologi Politik USM; dan
  - iv. YBhg. Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Anggota Suruhanjaya SPP.
19. Adalah menjadi harapan kita semua agar seminar ini dapat mencetuskan idea dan pemikiran baharu ke arah menangani isu-isu semasa pendidikan. Sekali lagi terima kasih saya ucapan kepada tetamu-tetamu kenamaan, para hadirin yang sudi hadir, serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan seminar ini.
20. Dengan itu, sekian sahaja ucapan alu-aluan saya dan saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



# Teks Ucapan Perasmian

**YB. FADHLINA SIDEK**  
Menteri Pendidikan Malaysia

# TEKS UCAPAN PERASMIAN YB FADHLINA SIDEK

MENTERI PENDIDIKAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Sempena  
Persidangan Perkhidmatan Pendidikan  
Tahun 2024

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

*Bismillahirrahmanirrahim.*

*Wabihi nasta'in wassalatu wassalamu ala rasulilahi kareem waala alihi wasohbihi ajma'in*  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

## MUKADIMAH DAN EKSPRESI PENGHARGAAN

1. Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Pencipta, Allah Subhanahuwataala. Alhamdulillah, berkat dan limpah kasih-Nya, maka dapat kita berhimpun bagi meraikan majlis yang penuh bermakna pada pagi ini.
2. Saya ingin mulakan dengan menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) atas kesudian mengundang saya untuk menyempurnakan **Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2024**.

## SAMBUTAN 50 TAHUN (JUBLI EMAS) SPP

3. Tulus di sini, saya amat berbesar hati dapat turut bersama-sama dalam persidangan ini, lebih membanggakan tahun ini merupakan sambutan lima (5) dekad (Jubli Emas 1974-2024) penubuhan SPP.
4. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga kerja SPP yang terlibat membina, membangun dan berdiri teguh bersama.
5. Pada usia 50 tahun penubuhannya sejak 1974, saya yakin dan penuh kepercayaan bahawa SPP telah memainkan peranan yang signifikan dalam melaksanakan fungsinya sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi Perkhidmatan Pendidikan di Malaysia.
6. Secara peribadi, saya melihat kewujudan SPP sebagai suatu pengiktirafan penting kepada sektor pendidikan negara.
7. Menerusi SPP, Kerajaan menyediakan institusi khusus yang menguruskan pelantikan, hal-hal perkhidmatan dan tadbir urus disiplin bagi pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan.
8. Sebagaimana yang dihasratkan oleh syor dalam Laporan Suruhanjaya DiRaja Aziz, penubuhan SPP membolehkan perancangan modal insan bagi sektor pendidikan dapat dilaksanakan secara lebih berfokus dan berkesan.
9. Bersandarkan kepada prestasi SPP dalam melunaskan tanggungjawabnya serta laporan-laporan yang saya teliti, saya melihat SPP telah berjaya membina kematangan dan beroleh pelbagai pencapaian kualitatif dan kuantitatif yang dizahirkan menerusi penyampaian perkhidmatan mahupun pelaksanaan program dan aktivitinya.

10. Malah kesungguhan mengundang saya pada hari ini merupakan cerminan iltizam dan komitmen SPP yang bersifat terbuka dan sedia bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan khususnya KPM dan KPT dalam memajukan sektor pendidikan negara secara holistik.
11. Maka wajarlah kalau kita jadikan pertemuan ini sebagai tempat untuk merenung sejenak ke belakang, bagi membolehkan kita terus mengorak langkah ke hadapan.

## INISIATIF KERAJAAN MADANI DALAM PEMERKASAAN PENDIDIKAN

Tuan-tuan Dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Umum sedia maklum bahawa Kerajaan menerusi Belanjawan MADANI 2024 komited memperkasakan sektor pendidikan di negara ini. Kerajaan dalam hubungan ini percaya setiap ringgit yang dibelanjakan, setiap minit yang diluangkan, setiap daya usaha dan keringat yang dicurahkan, demi memperkasa pendidikan, adalah satu bentuk pelaburan masa depan yang tidak mungkin akan merugikan Malaysia.
13. Tidak dapat saya nafikan bahawa di sebalik tumpuan utama kepada pelajar, kunci kepada kejayaan pelaburan ini pastinya terletak pada modal insan utama yang menggerakkan sektor pendidikan negara iaitu guru.
14. Untuk itu, saya amat berterima kasih atas usaha SPP dalam memastikan bakat terbaik lulusan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Awam dan Swasta dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengisi kekosongan guru.
15. SPP memainkan peranan besar sebagai pintu yang menapis dan memilih guru-guru yang berkelayakan untuk berkhidmat dalam sektor ini.
16. Hakikatnya guru sebagai opsyen pilihan kedua telah berlalu dan kini guru kembali menjadi sebagai profesion utama pilihan graduan di Malaysia.
17. Dalam keghairahan kita mengisi kekosongan guru, saya amat berharap supaya SPP benar-benar memilih mereka yang berkelayakan, berbakat, mempunyai jiwa pendidik serta kebingkasan atau *resilient* dalam mendepani cabaran sektor pendidikan.
18. Lonjakan penambahan bilangan guru ialah komitmen besar Kerajaan Madani dalam memperkuuh agenda reformasi pendidikan. Justeru itu, sinergi kerjasama strategik antara SPP dan KPM cukup signifikan dalam memastikan unjuran keperluan dan penempatan guru di sekolah dipenuhi.
19. Pengambilan guru sehingga purata 20,000 setahun membuktikan SPP berupaya mencabar *status quo* dan ini mencipta tanda aras yang boleh dibanggakan.

## TRANSFORMASI SEKTOR PENDIDIKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

20. Selari dengan perubahan/perkembangan teknologi, lensa pemikiran dan landskap pendidikan negara mutakhir ini, tiga (3) mesej utama saya rangkumkan bagi membolehkan kita terus bergerak ke hadapan: *Opportunity* (Peluang); *Relevancy and Adaptability* (Kerelevan dan Keteradaptasian); dan *Synergy* (Sinergi).
21. *Opportunity* (Peluang): Sektor pendidikan memainkan peranan penting dalam mencorak masa depan Malaysia. Guru dalam konteks ini mempunyai tanggungjawab besar dalam membentuk minda muda, menyampaikan bukan sahaja pengetahuan akademik, tetapi juga menyemai nilai-nilai etika kehidupan. Namun begitu, saban hari sektor pendidikan negara berdepan dengan pelbagai termasuklah;
  - i. minat kepada ilmu yang menyusut dalam kalangan pelajar;
  - ii. kekurangan guru dalam opsyen mata pelajaran penting;
  - iii. persoalan mengenai kualiti sistem pendidikan;
  - iv. integrasi teknologi digital dalam pendidikan;
  - v. penyediaan kurikulum yang kalis masa hadapan; dan
  - vi. pembangunan profesional dan kemajuan kerjaya guru yang terhad.

22. Sudah semestinya kita perlu terbuka menelaah jejak-jejak yang telah kita lalui. Jejak ini perlu diambil sebagai rujukan dan pedoman, untuk kita meneruskan laluan yang pasti ada likunya, ada pendakiannya, ada curamnya dan tidak kurang juga halangannya.
23. Positifnya, setiap cabaran ini sememangnya membuka *endless opportunities* (peluang tanpa henti) kepada idea baharu berserta inovasi ke arah penambahbaikan. Namun, dalam konteks sektor pendidikan, setiap idea bagi perubahan sama ada dari segi dasar atau strategi perlu ditangani dengan penuh hemat dan teliti kerana ia mempunyai impak tersendiri kepada pelajar, ibu bapa, guru dan masyarakat.
24. Hakikatnya KPM tidak boleh bergerak secara *silo* atau bersendirian dalam mendepani cabaran ini. Justeru itu, saya menyeru kesemua aktor-aktor penting dalam sektor pendidikan termasuklah SPP untuk kita bersama-sama bertindak secara bersepadan dan konsisten.
25. *Relevancy and Adaptability* (Kerelevanan dan Keteradaptasian): Persoalan tentang bagaimana kita boleh mengubah sistem pendidikan kita supaya lebih berdaya tahan, dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan, tidak boleh dipandang enteng.
26. Sudah tentu, antara lain kita perlu memastikan kurikulum kita relevan dan fleksibel supaya bersetujuan dengan keperluan masa depan. Kurikulum harus merangkumi kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreativiti, kolaborasi, dan literasi digital.
27. Malah dalam konteks sebuah negara majmuk seperti Malaysia, kurikulum yang mampu mempertahankan asas kenegaraan juga perlu disediakan agar sekolah dapat memainkan peranan sebagai institusi yang menyuburkan keharmonian dan perpaduan penduduk berbilang bangsa.
28. *Synergy* (Sinergi): Setiap daripada kita mempunyai bidang kuasa dan kekuatan yang berbeza yang membolehkan kita melaksanakan kolaborasi dan sinergi bagi kebaikan bersama.
29. Keupayaan sumber data sebagai rujukan utama juga tidak boleh dinafikan. Data kini dilihat sebagai satu komoditi bernilai tinggi yang dapat membantu Kerajaan membuat keputusan tepat dalam masa yang singkat.
30. Data-data ini sekiranya dapat dikongsi (*data sharing*) mengikut peraturan, diintegrasikan dan dianalisis secara *big data analytical*, pastinya dapat membantu Kerajaan untuk lebih memahami pelanggan dan *stakeholder*, seterusnya dapat memberi perkhidmatan yang terbaik.
31. Konsep “Mentadbir melalui Rangkaian” atau *Governing by Network* juga sesuai diadaptasi dengan menggembungkan jaringan masyarakat bagi mendapatkan pengalaman, cadangan dan keupayaan yang lebih baik dalam usaha kita bersama memantapkan sektor pendidikan di Malaysia.
32. Bagi mewujudkan penglibatan komuniti dan industri dalam pendidikan, sekolah tidak lagi boleh berfungsi secara terasing. Mereka memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Penglibatan komuniti boleh membantu dalam menyediakan sumber tambahan, manakala industri boleh menawarkan program latihan dan peluang merasai pengalaman bersifat praktikal kepada pelajar.

## PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

33. Saya melihat persidangan ini sebagai jalan keluar atau medan untuk kita meneroka peluang pembinaan persefahaman, mengetahui kelebihan, meraikan diversiti dan mengorak langkah serta strategi bersama ke arah pemerkasaan sektor pendidikan.
34. Menerusi persidangan yang bertemakan “Transformasi Pendidikan Pemacu Malaysia MADANI: Suatu Wacana Baharu”, saya berharap kita dapat mengupas dan membicarakan secara kritis isu-isu pendidikan termasuk pendemokrasian pendidikan, pendigitalan, kecemerlangan tanpa roh dan realiti serta hala tuju pendidikan di negara ini dan dihujahkan secara penuh hemah dan bertanggungjawab demi kebaikan bersama.
35. Syabas dan tahniah juga kepada semua yang dapat hadir ke persidangan ini. Gunakanlah sebaik-baiknya peluang ini untuk mendengar, menganalisis dan mencerap ilmu yang dibicarakan oleh tokoh-tokoh hebat yang telah diundang. Semoga berbekalkan ilmu tersebut, kita dapat membina keupayaan untuk mereformasi sektor pendidikan ke arah pemantapan yang berterusan.
36. Memetik kata-kata Confucius *“If your plan is for one year, plant rice. If your plan is for ten years, plant trees. If your plan is for 100 years, then educate people.”*

## PENUTUP

37. Saya sekali lagi merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada SPP atas usaha berterusan dan kerjasama erat yang terjalin selama ini.
38. Harapan saya agar SPP terus cemerlang dalam melestarikan usaha-usaha pembangunan modal insan dan akan memberi impak serta persepsi yang lebih dinamik.
39. Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menghadiahkan serangkap pantun:

Anak ikan sangkut di pukat,  
Pukat terikat dipinggir muara,  
Sektor pendidikan perlu muafakat,  
Membangun bakat, mengukir sejahtera.

40. Akhir kalam, dengan lafadz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2024**.

Sekian.

Wabillahi taufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.





*Sesi Forum*  
**PERSIDANGAN  
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
TAHUN 2024**

# *Persidangan* **PERKHIDMATAN PENDIDIKAN TAHUN 2024**

## TEMA

“Transformasi Pendidikan Pemacu Malaysia MADANI:  
Satu Wacana Baharu”

## SUB-TEMA

1. Pendemokrasian Pendidikan Di Malaysia: Mendepani Realiti
2. Landskap Baharu Pendidikan Melalui Pendigitalan: Menguasai Atau Dikuasai
3. Menghadirkan Jiwa dan Roh Dalam Kecemerlangan Pendidikan: Cabaran Pendidikan Masa Hadapan
4. Dari Penyata Razak Ke Pelan Pembangunan Pendidikan: Memastikan Trajektori Kecemerlangan Pendidikan



1974-2024  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
PENANGKIN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN



*Ucaptama*

**YBHG. TAN SRI DR. MAZLAN YUSOFF**

Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

# NOTA PELAPOR PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN TAHUN 2024

6 JUN 2024

**UCAPTAMA YBHG. TAN SRI DR PENGERUSI SPP**

## PENDAHULUAN

1. Tujuan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2024 ini adalah untuk bermusyawarah tentang sektor pendidikan di Malaysia.
2. Transformasi Pendidikan pemacu Malaysia MADANI: Suatu Wacana baru merupakan tema persidangan yang mencangkupi pelbagai isu dalam sektor pendidikan. Fokus diletakkan kepada empat (4) sub tema utama iaitu:
  - i. Pendemokrasian Pendidikan di Malaysia: Mendepani Realiti
  - ii. Landskap Baharu Pendidikan Melalui Pendigitalan: Menguasai atau Dikuasai
  - iii. Menghadirkan Jiwa dan Roh Dalam Kecemerlangan Pendidikan: Cabaran Pendidikan Masa Hadapan.
  - iv. Dari Penyata Razak ke Pelan Pembangunan Pendidikan: Memastikan Trajektori Kecemerlangan Pendidikan

## SUBTEMA 1: **PENDEMOKRASIAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA: MENDEPANI REALITI**

3. Pendemokrasi pendidikan merujuk kepada persamaan hak yang sama rata dari segi peluang mendapat pendidikan yang berkualiti di semua peringkat masyarakat.
4. Faktor-faktor seperti latar belakang kaum, status ekonomi, kedudukan geografi dan kemudahan infrastruktur tidak boleh dijadikan pemboleh ubah yang menghalang peluang untuk mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti di semua peringkat.
5. Akta Pelajar 1961 menetapkan bahawa semua kanak-kanak yang mencapai umur persekolahan akan diberi pendidikan rendah secara percuma manakala Akta Pendidikan 1996 pula mewajibkan pendaftaran anak yang mencapai umur enam tahun ke sekolah rendah dan perlu kekal sepanjang tempoh Pendidikan rendah.
6. Laporan Bank Dunia (*Malaysia Economic Monitor*) yang diterbitkan pada April 2024 menyatakan bahawa Malaysia sangat berjaya dari aspek keseimbangan dalam pendidikan rendah.
7. Namun, sektor pendidikan masih lagi berhadapan dengan isu-isu asas seperti keciciran murid serta sejumlah pelajar yang gagal menduduki peperiksaan utama. Terkini, YBrs. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia memaklumkan bahawa terdapat lebih 10 ribu pelajar yang tidak menduduki SPM pada tahun 2023.
8. Dalam perbahasan Parlimen, KPM menjelaskan bahawa antara faktor penyebab keciciran murid dalam pendidikan adalah disebabkan oleh isu kemiskinan, keruntuhan institusi keluarga, kesedaran ibu bapa yang rendah terhadap pendidikan dan pengaruh media sosial.
9. YAB Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan MADANI untuk memperkenalkan jenis sekolah baharu yang menasarkan anak golongan keluarga paling miskin di negara ini bagi memastikan anak-anak dari golongan ini mendapat peluang Pendidikan, walaupun keputusan peperiksaan kurang cemerlang atau tidak memberangsangkan.
10. Isu kuota dan meritokrasi berkenaan peluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi perlu disantuni dengan penuh hemah dan bertanggungjawab.

## SUBTEMA 2:

### LANDSKAP BAHRU PENDIDIKAN MELALUI PENDIGITALAN: MENGUASAI ATAU DIKUASAI

11. Penggunaan teknologi baru muncul dalam pendidikan, khususnya *Artificial Intelligence* (AI) mempunyai potensi besar untuk merevolusikan metodologi pengajaran, memperbaikkan pengalaman pembelajaran dan menyelaraskan proses pentadbiran. Sebagai contoh AI boleh merevolusikan tugas-tugas pentadbiran yang dilakukan secara rutin yang dapat menjimatkan masa dan membolehkan guru untuk memanfaatkan masa bagi tujuan PdP seperti:
  - i. pemantauan kehadiran;
  - ii. penyemakan kerja rumah pelajar;
  - iii. penyediaan bahan mengajar;
  - iv. membolehkan keputusan penilaian diperoleh dengan segera dalam skala besar;
  - v. membantu pelajar memahami kesilapan serta mengupayakan proses pembinaan kapasiti dan kandungan yang disesuaikan mengikut keunikan pelajar; dan
  - vi. lain-lain.
12. Tujuan pengintegrasian AI dalam kurikulum adalah lebih kepada pemupukan literasi digital yang maju dalam kalangan pelajar. Oleh itu, guru dan pihak pengurusan sekolah wajar untuk menggalas peranan baharu sebagai penggerak pembudayaan AI di institusi Pendidikan.
13. Malaysia kini berada di tangga ke-23 di Asia dalam konteks kesedaran AI. Oleh itu, negara perlu lebih agresif untuk menjayakan agenda AI. Namun, cabaran bagi menjayakannya adalah faktor-faktor seperti berikut:
  - i. ketersediaan infrastruktur;
  - ii. jurang digital bandar dan luar bandar;
  - iii. kompetensi tenaga pengajar; dan
  - iv. keanjalan dan keunikan kurikulum.

## SUBTEMA 3:

### **MENGHADIRKAN JIWA DAN ROH DALAM KECEMERLANGAN PENDIDIKAN: CABARAN PENDIDIKAN MASA HADAPAN**

14. Pelbagai usaha dan intervensi telah dilaksanakan oleh KPM untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan di mana untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.
15. Isu tata tertib dan pelanggaran disiplin dalam kalangan warga pendidikan termasuk gangguan seksual menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Pemerhatian Anggota Suruhanjaya melalui siri-siri temu duga mendapati bahawa sebahagian calon guru lepasan Universiti Awam dan Universiti Swasta tidak memahami roh dan prinsip Rukun Negara serta semangat dan falsafah perlembagaan.
16. Sistem Pendidikan masih bergelut dengan cabaran membina generasi keperibadian luhur, patriotisme dan menjadikan akhlak dan moral sebagai tunjang kejayaan sebagaimana yang didambakan oleh Gagasan MADANI.
17. Kehidupan digital mendedahkan generasi muda kepada pelbagai anasir negatif maya yang menyukarkan usaha mengukuhkan kekuatan dalaman insan.
18. Menurut Syed Muhamamd Naquib Al-Attas, pemikir Islam Nusantara, konsep pendidikan perlu merangkumi konsep:
  - i. melangkaui sudut tarbiyyah yang menekankan aspek didikan dan latihan paling asas bagi tujuan mengenal, membina serta mendewasakan; dan
  - ii. melampaui konsep ta'lim yang bermaksud penuangan ilmu atau pemindahan pengetahuan.

## SUBTEMA 4:

### DARI PENYATA RAZAK KE PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN: MEMASTIKAN TRAJEKTORI KECEMERLANGAN PENDIDIKAN

17. Penyata Razak 1956 memberi fokus kepada:

- penggunaan Bahasa Melayu sebagai medium yang seragam
- pendidikan sebagai radas perpaduan rakyat Malaysia

18. Laporan Rahman Talib 1960 memasukkan elemen vokasional dan Teknik dalam menyediakan tenaga mahir bagi tujuan pembangunan.

19. Akta Pelajaran 1961 meletakkan asas pendidikan kepada rakyat Malaysia.

20. Akta Pendidikan 1996 berlandaskan Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

- Iltizam untuk menjadikan negara sebagai pusat kecermelangan akademik bertaraf dunia, memastikan kemampuan berdaya saing serta penguasaan sains, matematik dan teknologi maklumat yang kukuh dalam kalangan pelajar.

21. Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 merupakan *blueprint* hala tuju pendidikan sehingga 2025, memberikan penekanan kepada:

- Peningkatan profesionalisme guru
- Penggunaan teknologi ICT dalam PdP
- Pengurusan berdasarkan data
- Usaha kolaborasi dengan pelbagai pihak berkepentingan

22. Laporan Programme for International Student Assessment Tahun 2022 (PISA 2022)

- Pencapaian Malaysia bagi Laporan PISA 2022 menunjukkan pencapaian terendah pernah dicatatkan sepanjang Malaysia menyertai penarafan tersebut mulai tahun 2009. Laporan ini menyatakan bahawa:
  - i. skor purata murid Malaysia dalam literasi Matematik, Saintifik dan Bacaan berada di bawah skor purata OECD sejak 2009.
  - ii. pencapaian Domain Matematik, Saintifik dan Bacaan menunjukkan trend penurunan atau kemerosotan.

23. Malaysia masih di belakang Singapura walau pun mencatat prestasi lebih baik dari Thailand, Indonesia, Filipina dan Kemboja. YAB Perdana Menteri menyeru agar Kerajaan merangka strategi yang sesuai untuk negara bergerak ke hadapan.

24. Persoalan dari pencapaian negara dalam PISA 2022:


- Apakah negara telah terperangkap dalam kitaran *average performance trap* yang menyukarkan kita membuat anjakan berganda untuk keluar dari perangkap tersebut?
- Apakah pembolehubah yang boleh dilihat, adakah kurikulum yang perlu disesuaikan, atau profesionalisme guru yang perlu ditingkatkan?
- Atau pengubalan dasar-dasar baharu yang lebih dinamik dan adaptif terhadap perubahan di sekeliling?

## PENUTUP

Pelbagai isu dan persoalan timbul untuk diwacanakan oleh panel forum seperti berikut:

- i. Isu:
  - a. isu-isu keciciran yang masih melingkari dunia pendidikan;
  - b. tahap kesediaan membudayakan teknologi terkini;
  - c. fenomena kecemerlangan tanpa roh dan jiwa; dan
  - d. kelesuan pencapaian di bawah penarafan antarabangsa.
- ii. Persoalan:
  - a. Apakah masih terdapat sudut-sudut kecil permasalahan yang masih belum ditangani?
  - b. Adakah kerencaman dan *heterogeneity* yang mencirikan ekosistem pendidikan negara menjadikan pelaksanaan pelbagai *blueprint* yang lazimnya dibuat secara linear dan bersifat *one size fits all* itu sudah kurang berkesan dan perlu dilihat semula?
  - c. Adakah kewujudan pelbagai lapisan pentadbiran, bermula dari peringkat pengubalan dasar di kementerian hingga ke peringkat pelaksanaan di bilik-bilik darjah, menatijahkan interpretasi yang berbeza di peringkat-peringkat yang berbeza yang akhirnya membawa kepada kelemahan pelaksanaan di peringkat akar umbi?
- iii. Penyelesaian kepada isu sebesar ini pastinya tidak dapat dirumuskan dalam satu seminar, namun dengan memetik kata-kata Joseph Juobert (Jean-bear), ahli Falsafah Perancis yang hidup pada abad ke-18:
  - “Lebih baik membahaskan sesuatu isu tanpa menyelesaiannya, daripada menyelesaikan sesuatu isu tanpa membahaskannya. Matlamat perbincangan bukanlah kemenangan, tetapi kemajuan”.

SLAID UCAPTAMA  
YBHG. TAN SRI DR PENGERUSI SPP



**TRANSFORMASI PENDIDIKAN PEMACU  
MALAYSIA MADANI**  
*Satu Wacana Baharu*

**SUBTEMA 1**

Pendemokrasian  
Pendidikan di Malaysia:  
Mendepani Realiti

**SUBTEMA 2**

Landskap Baharu  
Pendidikan Melalui  
Pendigitalan:  
Menguasai atau Dikuasai

**SUBTEMA 3**

Menghadirkan Jiwa &  
Roh Dalam  
Kecemerlangan  
Pendidikan:  
Cabaran Pendidikan  
Masa Hadapan

**SUBTEMA 4**

Dari Penyata Razak Ke  
Pelan Pembangunan  
Pendidikan:  
Memastikan Trajektori  
Kecemerlangan  
Pendidikan

**PENDEMOKRASIAN  
PENDIDIKAN DI  
MALAYSIA:  
*MENDEPANI REALITI***

*"In education, no one should be left behind"*






The image shows the cover of the 'MALAYSIA ECONOMIC MONITOR' report for April 2024. The cover features a photograph of children sitting on the grass outdoors, reading books. The title 'Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills' is visible. A quote from the World Bank Group is overlaid on the right side.

**"Malaysia's success with universalizing primary education equitably can be attributed to factors such as the expansion of preschool education, having a strategic plan with solid principles, creation of a delivery unit to support implementation, stable pro-poor funding and strong political support"**

MALAYSIA  
ECONOMIC  
MONITOR  
APRIL 2024

Bending Bamboo Shoots:  
Strengthening Foundational Skills

WORLD BANK GROUP  
Promoting Growth & Ensuring Inclusive  
Development in Malaysia



The image contains four statements from different political figures, each with a circular portrait:

- Kerajaan cakna isu keciciran murid dalam pendidikan, akan ditangani secara tuntas - Perdana Menteri**
- Faktor kemiskinan antara punca keciciran murid, pelajar - Fadhlina**
- Desakan ekonomi keluarga punca pelajar sekolah menengah pilih bekerja - Timbalan Menteri**
- Rangka pelan baharu atasi isu keciciran pendidikan murid miskin bandar - Majlis Profesor Negara**



Cadangan Kerajaan memperkenalkan jenis sekolah baharu untuk anak golongan paling miskin.

"Langkah ini akan memberi makna manusiawi dan keadilan kepada mereka... **Akses dan peluang secara saksama** bagi memastikan tiada mana-mana golongan yang tercicir. Kita ada **pendemokrasian mutu pendidikan** bagi membolehkan semua berhak."

*YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim*

## LANDSKAP BAHARU PENDIDIKAN MELALUI PENDIGITALAN: **MENGUASAI ATAU DIKUASAI**

*Guru penggerak pembudayaan AI*





**POTENTIAL OF AI IN ENABLING EDUCATION 4.0**

The infographic features a circular inset showing a white humanoid robot interacting with students in a classroom setting. The background of the inset is filled with mathematical equations and diagrams, symbolizing the integration of AI with traditional education.

- Supporting teachers' role: augmentation and automation**
- Refining assessment and decision-making in education**
- Supporting AI and digital literacy**
- Personalizing learning content and experience**

*Shaping the Future of Learning: The Role of AI in Education 4.0, April 2024*

# MENGHADIRKAN JIWA & ROH DALAM KECEMERLANGAN PENDIDIKAN: **CABARAN PENDIDIKAN MASA HADAPAN**

*Suntikan elemen pembangunan manusia merentas kurikulum*




Kes buli pelajar meningkat dari **3,887** kes pada 2022 kepada **5,319** kes pada 2023

*Sumber: KPM*



**35.8%** penuntut IPT menyatakan **tidak menjadi satu kesalahan bagi seseorang untuk menerima hadiah berbentuk wang, barang atau perkhidmatan sebagai balasan bagi sesuatu perbuatan**


*Sumber: IIM*



The book cover features a blue plaque with the title "EXCELLENCE WITHOUT A SOUL" in white serif font, set against a background of green ivy. Below the plaque, a banner reads "How a Great University Forgot Education". To the right of the plaque, a portrait of Harry R. Lewis, a man with grey hair wearing a brown suit and tie, is displayed. The text on the right side of the image discusses the "cafeteria model" and its impact on education.


**HARRY R. LEWIS**  
Former Dean of Harvard College

The “**cafeteria model**” provides faculty with the freedom to teach what they want but **avoids the difficult task** of deciding what courses should be part of a curriculum that educates students in the liberal education tradition. Lewis laments that this model suggests **character** and **morality** are not the college’s business whatsoever.



The book cover has a dark blue background with gold-colored Islamic geometric patterns. The title "THE CONCEPT OF EDUCATION IN ISLAM" is at the top, followed by "A FRAMEWORK FOR AN ISLAMIC PHILOSOPHY OF EDUCATION". Below that is the author's name "SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS". At the bottom is the publisher logo "Qadeem PRESS". To the right of the book cover, there is a quote in Indonesian and a portrait of the author, Syed Muhammad Naquib Al-Attas, an elderly man with a long white beard.

Al-Attas mentafsirkan pendidikan sebagai **ta'dib** yang kepadanya harus mencakupi konsep **tarbiyyah dan ta'lim sekali gus**.



## DARI PENYATA RAZAK KE PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN: **MEMASTIKAN TRAJEKTORI KECEMERLANGAN PENDIDIKAN**

*Merintis jalan keluar dari kitaran  
average performance trap*



### EVOLUSI KERANGKA & DASAR PENDIDIKAN NEGARA

#### Akta Pelajaran 1961

Menguatkuasakan sistem persekolahan seragam, penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dan peperiksaan sekolah yang sama

#### Akta Pendidikan 1996

Ilitzam untuk menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan akademik bertaraf dunia, berdaya saing serta menguasai sains, matematik dan teknologi maklumat

#### Penyata Razak 1956

Penyediaan pendidikan asas, penggunaan Bahasa Melayu sebagai medium yang seragam dan pengukuhkan perpaduan

#### Laporan Rahman Talib 1960

Suntikan elemen vokasional dan teknik untuk menyediakan tenaga mahir bagi tujuan pembangunan

#### Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Penekanan kepada peningkatan profesionalisme guru, penggunaan teknologi ICT dalam PdP, pengurusan berdasarkan data dan usaha kolaborasi



**"It is better to debate an issue without settling it,  
than to settle an issue without debating it.  
The aim of a discussion should not be victory, but  
progress"**

**Joseph Juobert**  
French Philosopher 1754-1824



SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

# SEKIAN *Terima Kasih*

PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN 2024  
6 JUN 2024  
BANGI AVENUE CONVENTION CENTER





*Latar  
Belakang*

PANEL FORUM DAN  
MODERATOR

## MODERATOR



**ENCIK ZAINAL BIN ABAS**  
**MODERATOR**

- **Pengarah**  
Bahagian Sumber & Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- **Pemangku Timbalan Ketua Pengarah**  
(Operasi Sekolah)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

### RINGKASAN PERKHIDMATAN

1. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah
2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3. Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

### Ahli Lembaga Pengarah:

- Yayasan Hijau (Yayasan Hijau)
- Majlis Buku Negara Malaysia
- *Malaysia Book City Corporation*
- Ahli Jawatankuasa Pemilihan Atlet, Majlis Olimpik Malaysia.

## PANEL 1



- **Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia**

### RINGKASAN PERKHIDMATAN

1. Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Sektor Operasi Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia

## PANEL 2



- **Pengarah Pengasas**  
Institut Kajian Etnik (KITA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### RINGKASAN PERKHIDMATAN

1. Pengarah Pengasas  
Institut Kajian Etnik (KITA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
2. Pengerusi  
UNESCO CHAIR  
(*Communications and Social Cohesion*)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
3. Penasihat Perpaduan  
Kementerian Perpaduan Negara  
Malaysia (2020)  
Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara  
(MPPN) 1
4. Pengarah Pengasas  
Institut Kajian Barat (IKON)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
5. Pengarah  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
(ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
6. Profesor Antropologi Sosial  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan  
dan Pengajian Alam Sekitar  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti kebangsaan Malaysia
7. Dekan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti kebangsaan Malaysia

## PANEL 3



**PROFESOR DATO' DR. SIVAMURUGAN PANDIAN**  
PANEL

- **Pensyarah Sosiologi Politik**

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM)

- **Peserta US Government International Visitor Leadership Programme**

- **PENERIMA**

1. ASEAN – Republic of Korea Academic Exchange Fellowship; Sumitomo Foundation

2. Japan Foundation Fellowship

- **Ahli Jawatankuasa**

1. Ahli Senat USM, bekas Pengarah Pusat Pengurusan Bencana (Nerve Centre) USM dan pernah menjadi Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM

3. Ahli Lembaga Pemegang Amanah Majlis Profesor Negara (MPN) oleh Timbalan Perdana Menteri

2. Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) oleh Timbalan Perdana Menteri

4. Jawatankuasa Universiti Penyelidikan (JKRU), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

- **Ketua Perunding pembentukan Dasar KAMI@Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 di bawah Kementerian Perpaduan Negara**

- **Ketua Perunding Dasar Pelan Tindakan Masyarakat India 2022-2027 di bawah Kementerian Perpaduan Negara**

## PANEL 4



- **Pegawai Kerajaan Malaysia**  
(sejak 1 Ogos 1989 – 3 Oktober 2021)
- **Bersara pada 4 Oktober 2021 (persaraan pilihan).**
  1. Bekas Pegawai Tadbir dan Diplomatik Malaysia
  2. Dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan pada 12 Julai 2023

### RINGKASAN PERKHIDMATAN

1. Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Alam Sekitar Hijau) (Gred JUSA B)  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
2. Ketua Pengarah (Gred JUSA B)  
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)  
Kementerian Sumber Manusia Malaysia (MOHR)
3. Felo Penyelidik Kanan (Gred JUSA C)  
Kluster Pembangunan dan Penyelidikan Dasar  
Institut Tadbiran Awam Negara (Kampus Induk INTAN)



# Laporan Forum Persidangan

## NOTA PELAPOR

### PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN TAHUN 2024

6 JUN 2024

SESI FORUM

#### SUB-TEMA 1: **PENDEMOKRASIAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA: MENDEPANI REALITI**

##### **SOALAN 1**

YBhg. Tan Sri Dr. Mazlan dalam ucaptamanya ada menyentuh tentang pendemokrasi pendidikan. Bagaimana Tuan Haji Azman melihat pendemokrasi pendidikan mampu memasyarakatkan warga Malaysia dan apakah usaha-usaha KPM dalam memastikan pendemokrasi ini terus tercapai?

##### **YBRS. TUAN HAJI AZMAN HAJI ADNAN**

1. Falsafah Pendidikan Kebangsaan di Malaysia merupakan suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.
2. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.
3. Pelbagai dasar/inisiatif yang komprehensif telah dilaksanakan oleh KPM dalam memastikan setiap warganegara tanpa mengira latar belakang tidak ada yang tercicir dalam mendapatkan akses kepada pendidikan iaitu:
  - i. **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025)** merupakan salah satu aspirasi berkaitan dengan akses pendidikan yang menekankan agar semua kanak-kanak mendapat pendidikan formal di sekolah. **Dasar Pendidikan Wajib** semasa adalah kepada kanak-kanak berumur 7 tahun hingga 12 tahun dan KPM telah mendapat kelulusan kabinet secara dasar untuk melanjutkan umur tersebut sehingga 17 tahun; dan
  - ii. KPM juga telah mengagaskan **7 Teras Nadi Keunggulan KPM** dalam proses pendemokrasi pendidikan. Daripada 7 teras itu, **Teras Ketiga** memberi perhatian kepada isu kemiskinan multidimensi murid-murid khususnya dalam kalangan keluarga B40 dan melibatkan elemen berkaitan dengan nutrisi, peranti serta ruang pembelajaran. Dalam merapatkan kesenjangan pendidikan pula, **Teras Keempat** memberikan perhatian kepada keciciran pendidikan serta masalah literasi dan numerasi.
4. Dalam memastikan pendemokrasi pendidikan terus subur dan tiada keciciran berlaku, banyak institusi pendidikan telah diwujudkan bagi memberi peluang sama rata kepada semua kelompok kanak-kanak di negara telah diwujudkan dalam memastikan kanak-kanak yang kurang berasib baik mendapat peluang belajar sama rata seperti kanak-kanak lain seperti:
  - i. sekolah integriti di dalam penjara; dan
  - ii. sekolah di dalam hospital.

## **SOALAN 2**

Apabila kita bercakap mengenai pendemokrasian pendidikan kita tidak dapat lari daripada isu berkaitan aksesibiliti dan inklusiviti. Apakah Profesor berpandangan usaha yang dilaksanakan oleh KPM untuk memastikan aksesibiliti dan inklusiviti dalam pendidikan sudah memadai?

### **YBHG. PROFESOR ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN**

1. Peranan utama bagi proses pelaksanaan pendemokrasian pendidikan adalah ditunjangi oleh KPM dan KPT yang mana ia bersifat kolaboratif untuk menciptakan lingkungan pendidikan yang inklusif.
2. **Pendemokrasian pendidikan** bermaksud menyediakan akses pendidikan yang adil dan sama rata kepada semua lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, kaum, dan jantina.
3. Proses pendemokrasian pendidikan merupakan proses yang berterusan dan sentiasa konsisten harus dilentur di peringkat awal pendidikan kanak-kanak bermula sebelum umur 7 tahun sebagai asas pendidikan yang baik.
4. Cadangan serta usaha untuk **mengutamakan pendidikan awal kanak-kanak** telah dimulakan pada awal tahun 2024 dan telah ditangani secara berterusan oleh kementerian berkaitan. Antara usaha tersebut termasuklah:
  - i. penyediaan pendidikan prasekolah yang berkualiti tinggi dan mampu diakses oleh semua kanak-kanak, terutama dari keluarga berpendapatan rendah;
  - ii. melatih guru-guru dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk mendidik kanak-kanak dari pelbagai latar belakang serta memastikan mereka mendapat perhatian yang sewajarnya;
  - iii. menyediakan sumber pembelajaran yang mencukupi seperti buku, alat bantu mengajar, dan teknologi pendidikan yang terkini;
  - iv. merancang kurikulum yang inklusif serta relevan, yang merangkumi pelbagai budaya dan pengalaman hidup;
  - v. melibatkan ibu bapa dan komuniti dalam proses pendidikan bagi memastikan persekitaran yang menyokong perkembangan kanak-kanak; dan
  - vi. menyediakan pembiayaan yang mencukupi dan adil kepada sekolah-sekolah, terutama di kawasan-kawasan yang kurang berkemampuan.

## **SOALAN 3**

Dalam usaha pendemokrasian pendidikan, usaha-usaha juga perlu dilaksanakan untuk memasyarakatkan pendidikan itu sendiri sekali gus menyediakan ruang untuk segenap lapisan masyarakat diberi peluang menerima pendidikan yang berkualiti. Boleh Profesor kupas mengenai konsep memasyarakatkan pendidikan dan bagaimana ia dapat dilaksanakan dengan jayanya.

### **YBHG. PROFESOR DATO' DR. SIVAMURUGAN PANDIAN**

1. Dalam usaha untuk memasyarakatkan pendidikan, ruang yang secukupnya perlu diberikan kepada semua individu tanpa mengira latar belakang agama, etnik, bangsa dan jantina, malah dari sudut persempadanan negeri seperti yang telah ditekankan oleh YBhg. Tan Sri Pengurus iaitu '**Education should not leave anyone behind**'.
2. Ruang akses yang **bersifat inklusif** perlu ada bagi memudahkan lagi proses memasyarakatkan pendidikan agar dapat melahirkan seorang individu yang bersifat holistik serta seimbang.
3. Semua pihak perlu bekerjasama secara berterusan bagi melengkapkan infrastruktur serta kemudahan supaya pendemokrasian pendidikan Malaysia menjadi realiti.
4. Semua pihak adalah bertanggungjawab dalam memasyarakatkan pendidikan dan bukan tanggungjawab KPM semata-mata. '*It takes a village to raise a child*' yang boleh diinterpretasikan bahawa usaha untuk membentuk insan yang hebat secara holistik dan menjadi individu pemikir yang merupakan tanggungjawab bersama.

## **SOALAN 4**

Dalam memastikan penyampaian pendidikan yang berkualiti KPM telah merangka PPPM 2013 – 2025. Tiga (3) gelombang dan 11 anjakan digariskan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia dan salah satu tunjang utama untuk memastikan pendidikan yang berkualiti ini dapat disediakan semestinya adalah keupayaan guru-gurunya. Bagaimana Datuk melihat kepada kualiti guru masa kini?

### **YBHG. DATUK DR. MARY WONG LAI LIN**

1. Jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar haruslah dilihat dengan lebih menyeluruh. Masih terdapat isu inklusiviti dan aksesibiliti dalam sistem pendidikan negara yang memberikan perbezaan antara pelajar di bandar dan pelajar di kawasan pedalaman. Kepelbagaiannya perbezaan dari sudut infrastruktur, tahap pendidikan dan kualiti guru yang ditempatkan di kawasan pedalaman perlu dilihat semula agar pendemokrasian pendidikan dapat dipenuhi.
2. Ketaksamaan atau jurang perlu dikurangkan bagi memastikan kesaksamaan peluang kepada semua pelajar tanpa mengira latar belakang (bandar atau luar bandar). Hal ini perlu dilakukan bagi menjadikan setiap pelajar mempunyai peluang yang sama untuk mengakses pendidikan.
3. Perbezaan dalam kualiti guru sekolah bandar dengan luar bandar seharusnya tidak wujud kerana pelajar perlu diberikan peluang yang sama rata.
4. Cadangan untuk menangani isu berkenaan adalah:
  - i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu menilai kewajaran untuk menempatkan guru yang ‘terbaik’ ke kawasan pedalaman agar tahap pembelajaran dan pengajaran dapat diperbaiki setanding di bandar; dan
  - ii. Memasyaratkan pendidikan melalui jalinan kerjasama bersama pesara yang mempunyai kemahiran tertentu dalam sesuatu bidang. Pelaksanaan ini dapat meningkatkan kemahiran guru sedia ada dengan pengalaman yang boleh diperoleh dari masyarakat sendiri.

## SUB-TEMA 2:

### LANDSKAP BAHARU PENDIDIKAN MELALUI PENDIGITALAN: MENGUASAI ATAU DIKUASAI

#### **SOALAN 1**

Malaysia telah mengorak langkah ke arah pendigitalan secara agresif seiring dengan perkembangan dunia. Bagaimana KPM bersedia mendepani cabaran pendigitalan dan apakah inisiatif KPM dalam menyahut cabaran ini?

#### **YBRS. TUAN HJ AZMAN HJ ADNAN**

1. KPM sangat responsif dengan rempuhan berkaitan dengan teknologi dan digital pada masa kini yang bergerak sangat pantas serta memberi kesan yang besar dalam bidang pendidikan, termasuklah proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah.
2. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM berkaitan teknologi dalam bidang pendidikan adalah melalui anjakan ketujuh dalam Pelan Pendidikan Kebangsaan 2013-2025 yang menggariskan mengenai memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia seperti pengwujudan Sekolah Bestari dan pengenalan kurikulum yang mengetengahkan penggunaan ICT kepada semua sekolah. Impak pelaksanaan ini adalah:
  - i. murid mendapat akses kandungan yang lebih luas, menarik, dan interaktif. Mereka akan dapat belajar mengikut kadar kendiri dan mempunyai pilihan pengajian yang lebih luas melalui program jarak jauh; dan
  - ii. Pengetua/Guru Besar dan guru juga akan mempunyai akses kepada sumber pembelajaran dan komuniti di dalam/luar negara bagi membantu meningkatkan kualiti amalan mereka.
3. Kemudahan ICT akan menjadi sebahagian daripada kehidupan murid di sekolah, tanpa jurang pemisah antara bandar dengan luar bandar. Semua guru dan murid akan dilengkapi kemahiran yang perlu bagi menggunakan teknologi ini secara berkesan dan bermakna.
4. Selain itu, KPM juga telah melancarkan **Dasar Pendidikan Digital** pada tahun 2023 yang menjelaskan empat (4) objektif pendidikan digital yang disokong dengan enam (6) teras, 18 strategi dan 41 inisiatif secara terperinci. Pelaksanaan dasar ini dapat dimanfaatkan secara optimum oleh murid, pendidik, pemimpin pendidikan dan semua pihak berkepentingan bagi merapatkan jurang digital seterusnya membolehkan pendidikan digital dilaksanakan dengan jayanya. KPM berhasrat agar pelaksanaan dasar ini dapat merealisasikan iltizam dan aspirasi KPM untuk menyampaikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.
5. Pendidikan digital bukan sekadar tentang penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Malah melibatkan pengintegrasian pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang berkaitan dengan teknologi digital secara kreatif dan inovatif.
6. **Teras pertama** memberi fokus untuk memastikan murid-murid fasih digital di mana semua murid perlu tahu berkaitan teknologi dan boleh menggunakan dengan cara yang betul, sekaligus menjadi pembangun kepada aspek berkaitan digital kelak. Selain itu, teras ini juga memberi fokus kepada penghasilan guru-guru dan barisan pentadbir yang kompeten terhadap digital agar dapat memandu murid-murid serta organisasi ke arah yang lebih efisien.
7. **Teras keempat** pula membincarakan mengenai penyediaan dan pengukuhan infrastruktur digital yang mencukupi supaya ekosistem digital dapat dilaksanakan dengan baik.

## **SOALAN 2**

Transformasi digital telah merubah landskap pendidikan negara. Kaedah pembelajaran abad ke-21 menuntut pengintegrasian teknologi dalam sistem pendidikan kita. Namun bagaimana Profesor melihat kepada penerimaan masyarakat terhadap transformasi digital yang giat dilaksanakan pada ketika ini?

### **YBHG. PROFESOR ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN**

1. Kaedah pembelajaran abad ke-21 menuntut pengintegrasian teknologi dalam sistem pendidikan. Namun penerimaan golongan dan lapisan masyarakat yang pelbagai terhadap transformasi digital yang giat dilaksanakan pada ketika ini masih lagi **perlu ditambah baik**.
2. Antara usaha dan peranan yang telah dijalankan adalah:
  - i. kajian yang telah dibentangkan di negara Ireland (*Global Digital Schooling*) oleh YBhg. Dato' Ts Dr. Norazah Mohd Nordin dalam Syarahan Perdana Profesor ke-212 yang bertajuk **Kerangka Pedagogi Digital: Ke Arah Pendidikan Kalis Masa Depan**. Perkara tersebut ialah sesuatu yang membanggakan negara dan sepatutnya pelaksanaan transformasi pendigitalan pendidikan ini perlu giat dilaksanakan; dan
  - ii. Istilah "**long life learners**" ini harus diketengahkan bagi menyedarkan masyarakat bahawa transformasi digital adalah secara berterusan dan bukan hanya di peringkat golongan tertentu sahaja. Tambahan lagi, ia perlu dilakukan sebagai persediaan untuk penerimaan masyarakat sepenuhnya. Usaha tersebut dilakukan melalui komponen kefahaman dan amalan iaitu dengan mendengar dan menghayati istilah "**long life learners**" tersebut supaya menjadi kebiasaan dan sebatи dalam masyarakat. Seterusnya, ia haruslah dihayati dan difahami agar menyerap dalam minda masyarakat untuk diamalkan.
3. Isu dan cabaran utama dalam menghadapi transformasi digital adalah:
  - i. untuk menyatukan kesemua lapisan dan golongan masyarakat dalam usaha menyeragamkan penerimaan terhadap pendigitalan dan pengintegrasian teknologi dalam sistem pendidikan; dan
  - ii. pengaruh negatif dalam transformasi digital juga perlu diberi perhatian serius seiring dengan pelaksanaan yang dibuat. Proses dan kaedah pendigitalan ini hanya merupakan "**enabler**" sahaja untuk memudahkan saluran pendidikan dan bukan penentu hala tuju untuk transformasi Pendidikan negara.
4. Semua pihak perlu memanfaatkan kajian-kajian yang dilakukan oleh pihak KPT dengan merealisasikan pelaksanaan pembelajaran secara digital di pelbagai peringkat terutama di sekolah. Pelaksanaan tersebut haruslah mengambil kira kelengkapan prasarana, fasiliti serta infrastruktur yang menyokong pembelajaran secara digital. Mengambil contoh kajian daripada YBhg. Dato' Ts Dr. Norazah Mohd Nordin, dalam Syarahan Perdana Profesor ke-212 yang bertajuk Kerangka Pedagogi Digital: Ke Arah Pendidikan Kalis Masa Depan yang merangkumi kaedah inovatif dan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran:
  - i. Pelaksanaan pembelajaran secara digital tidak hanya melibatkan penggunaan peranti digital atau aplikasi pembelajaran, tetapi juga merangkumi **prinsip-prinsip pedagogi yang kukuh** untuk meningkatkan pengalaman pendidikan; dan
  - ii. Selain itu, kerangka ini direka dengan mengintegrasikan teknologi digital dalam proses pembelajaran dan pengajaran, termasuk kecerdasan buatan, pemprosesan data raya, realiti maya dan terimbuh, serta komputasi awan (*cloud computing*). Kajian ini merupakan sumbangan usaha dan kerjasama di peringkat global iaitu Australia, Kanada dan Hong Kong.

### **SOALAN 3**

Apabila kita memperkatakan tentang pendigitalan dalam pendidikan, umum sering memberikan fokus kepada penyediaan dan penggunaan peranti semata-mata. Namun, ianya sebenarnya lebih dari itu, transformasi digital dalam pendidikan harus juga memberikan fokus kepada kandungan dan pengalaman belajar itu sendiri. Pedagogi dijana oleh teknologi digital, pembelajaran secara kendiri dan diperibadikan, penggunaan AI. Apa pandangan Profesor?

#### **YBHG. PROFESOR DATO' DR. SIVAMURUGAN PANDIAN**

1. Empat (4) tontonan utama Pendidikan dalam pembelajaran adalah:
  - i. belajar untuk melakukan;
  - ii. belajar untuk mengetahui;
  - iii. belajar untuk mengenali diri sendiri; dan
  - iv. belajar untuk hidup bersama.
2. Masyarakat juga perlu cakna dan meneliti kesediaan terhadap transformasi teknologi untuk kecerdasan buatan (AI), namun tidak boleh berkompromi dengan **soal keihisanan** dan **sahsiah jati diri** serta perlu disesuaikan dengan budaya Malaysia.
3. Perubahan dalam konteks pendigitalan ini perlu seimbang dan dikongsi secara geografi, populasi serta demografi agar perubahan ini dirasai dan dinikmati oleh masyarakat di bandar dan juga luar bandar. Sewajarnya setiap peringkat masyarakat perlu untuk merasai dan menikmati segala perubahan digital yang sedang berlaku.

### **SOALAN 4**

Selaras dengan perkembangan dunia teknologi yang pesat, keperluan untuk pembangunan bakat yang berdaya saing dalam pendidikan digital di Malaysia amat dititikberatkan dan tidak boleh dipungkiri. Dari kaedah penyampaian secara *chalk and talk*, menghafal fakta dan memuntahkan kembali di dewan-dewan peperiksaan, kini kita beralih kepada pembelajaran berdasarkan projek, penyelesaian masalah melalui kolaborasi rakan sebaya, berinovasi, pemikiran analitikal, analisis sistem dan pengaturcaraan. Bagaimana Datuk melihat perubahan ini membantu membentuk generasi baru Malaysia MADANI?

#### **YBHG. DATUK DR. MARY WONG LAI LIN**

1. Sejak dengan perkembangan teknologi, pendigitalan telah membantu daripada segi pembelajaran. Ia memberikan revolusi ke atas pendidikan negara. Walau bagaimanapun, penguasaan pendigitalan perlu dilihat semula sama ada penggunaan teknologi ini memberikan kesan positif atau sebaliknya kerana penggunaan yang keterlaluan.
2. Penggunaan gajet (telefon pintar) yang keterlaluan akan menyumbang kepada **masalah ketagihan gajet** di kalangan pelajar. Pendedahan gajet yang keterlaluan di peringkat awal kanak-kanak akan mengganggu proses pembelajaran lain contohnya membaca dan mengira.
3. Untuk memastikan keseimbangan ini, guru juga perlu memiliki tahap literasi teknologi dan maklumat (ICT) yang tinggi. Melalui penguasaan dalam teknologi yang baharu contohnya AI (*Artificial Intelligence*) dan Teknologi Virtual Realiti (*Virtual Reality Technology*), guru lebih mudah menyampaikan ilmu dan berkongsi maklumat kepada pelajar serta guru tidak ketinggalan.
4. Kajian saintifik menunjukkan bahawa kanak-kanak yang ketagihan gajet berisiko mendapat *Autism Spectrum Disorder* (ASD) sejak awal lagi. Hal ini berupaya menjelaskan perkembangan otak kanak-kanak tersebut.

5. Penggunaan gajet secara berlebihan di kalangan kanak-kanak sekolah rendah akan memberikan implikasi kepada perkembangan kemahiran motor (*motor skills*) yang melibatkan kemahiran motor halus (*fine motor skills*) kanak-kanak tersebut. Ia akan menyebabkan gangguan pada kemahiran yang menggunakan otot tangan, jari dan pergelangan tangan.
  6. Cadangan untuk mengatasi:
    - i. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu melaksanakan **kempen** berkaitan kesan buruk penggunaan gajet yang melampau/berlebihan;
    - ii. KPM dan KKM perlu melihat dengan lebih serius impak pendigitalan ini dan meneliti semula perkara-perkara yang berkaitan;
    - iii. Ibu bapa perlu sentiasa diberikan peringatan dan kesedaran berkaitan penggunaan gajet yang berlebihan; dan
    - iv. Semua pihak perlu berusaha untuk membendung ketagihan gajet di samping memastikan pendigitalan pendidikan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.
-

## SUB-TEMA 3:

### MENGHADIRKAN JIWA DAN ROH DALAM KECEMERLANGAN PENDIDIKAN: CABARAN PENDIDIKAN MASA HADAPAN

#### **SOALAN 1**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan kepada usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Pendidikan berubah mengikut peredaran zaman. Perubahan ini telah menuntut kita untuk bergerak dengan lebih cepat dan lebih cekap. Bagaimanakah tuan melihat cabaran pendidikan masa hadapan Malaysia yang akan datang?

#### **YBRS. TUAN HJ AZMAN HJ ADNAN**

1. Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan falsafah yang ideal untuk membangunkan individu dengan seimbang. Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.
2. Generasi kini serta akan datang merupakan generasi yang perlu diberi perhatian disebabkan mereka ini lahir dalam ledakan ekosistem digital di mana tahap celik digital yang dimiliki sangat tinggi dan merupakan salah satu cabaran yang sangat besar bagi Kerajaan.
3. Generasi yang terlibat dalam zaman ledakan teknologi ini perlu disantuni sebaiknya agar minat terhadap dunia pendidikan tidak pupus dengan tindakan seperti:
  - i. **kaedah pengajaran** di dalam bilik darjah perlu **dipelbagaikan** seiring dengan kepesatan dunia digital pada masa sekarang;
  - ii. **pengajaran** perlu lebih memfokuskan kepada **bentuk grafik dan visual** serta perlu **lebih interaktif** bagi menarik minat murid-murid; dan
  - iii. **peranti digital** juga perlu **disisipkan dalam proses pembelajaran** agar ilmu yang diperolehi dapat diintegrasikan dengan baik.
4. KPM telah memperkenalkan **konsep ‘karamah insaniah’** yang menekankan pembentukan adab, akhlak dan integriti serta kaya dengan budaya ilmu seiring dalam pembentukan **Generasi MADANI**. ‘Karamah insaniah’ ini diangkat menjadi tunjang dalam membangunkan Kurikulum Persekolahan 2027 agar selari dengan Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
5. Bagi memastikan kurikulum yang direncana direalisasikan dengan jayanya, penglibatan dan komitmen semua pihak termasuk masyarakat adalah ditagih. KPM juga sedang dan akan terus melaksanakan sesi libat urus serta ‘townhall’ bersama pihak-pihak yang berkepentingan bagi memastikan kurikulum baru ini lebih kompetitif, di samping menyediakan warganegara yang beradab dan bertanggungjawab serta berdaya saing pada peringkat global.

## **SOALAN 2**

Masih berfokuskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Persoalannya adakah rohnya masih ada? Bagaimana Profesor melihat falsafah pendidikan negara ini dapat kekal relevan dalam pembentukan negara MADANI, pembentukan Generasi MADANI?

### **YBHG. PROFESOR ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN**

1. Falsafah pendidikan negara sebenarnya bersifat “**timeless**” atau berterusan serta telah merangkumi semua aspek pendidikan bagi melahirkan individu yang seimbang dan harmoni daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Namun perlu diingatkan pendidikan itu sendiri dalam segi global, adalah sebahagian daripada sistem kapitalisme. Oleh itu, pendidikan boleh dimanfaatkan dalam bidang perniagaan untuk meraih hasil dan pendapatan kepada sesebuah negara sekiranya diurus dengan betul. Apabila menyentuh mengenai konsep pembentukan negara Madani, ia juga berpotensi untuk menyebabkan “dehumanisation” melalui perkembangan industri dan teknologi.
2. Mengambil contoh masyarakat di negara Jepun yang masih mengamalkan budaya dan norma mementingkan disiplin serta menghayati perkembangan teknologi secara berterusan sehingga kini. Ini menyebabkan negara tersebut masih mempunyai prestasi luar biasa daripada segi perkembangan teknologi. Sehubungan itu, keutamaan untuk polisi pandang ke timur sepatutnya menjadi keutamaan dan patut dicontoh dalam mengadaptasi budaya dan norma yang baik tersebut demi mencapai matlamat **keseimbangan antara perkembangan industri dan teknologi dengan penerapan nilai kemanusiaan**.
3. Malaysia juga dikatakan telah bersedia untuk mengadaptasi budaya dan norma tersebut, namun perlu menitik beratkan nilai kemanusiaan supaya ia tetap dikekalkan seiring dengan kemajuan yang ingin dicapai. Konsep Madani yang ditekankan pada masa kini adalah bermaksud untuk sifat kemanusiaan yang menghuraikan prinsip-prinsip besar yang telah ada sejak dulu lagi. Namun, ia semakin berkurangan dalam arus perkembangan masa dan teknologi. Sehubungan itu, **konsep Madani ini harus dijadikan misi negara** untuk disesuaikan dalam Rancangan Malaysia ke-12 sebagai inisiatif yang menekankan pembangunan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan dan kesejahteraan masyarakat.
4. Penerapan nilai kemanusiaan yang semakin berkurangan seiring dengan perkembangan teknologi adalah cabaran utama yang perlu dihadapi oleh negara Malaysia. Seterusnya, impak daripada amalan konsep pendidikan sains yang diasangkan daripada konsep pendidikan sains sosial atau sastera telah memberi kesan kepada keupayaan untuk memahami dan menghayati perkembangan teknologi semasa.
5. Impak daripada konsep pengasingan antara pendidikan sains dengan pendidikan sains sosial atau sastera telah memberi kesan ke atas kefahaman dan penerimaan perkembangan teknologi dalam masyarakat. Justeru, **pendidikan Sains dan Sains Sosial seharusnya digabungkan kerana ia lebih mudah dipelajari oleh masyarakat dalam menghadapi perkembangan teknologi**.
6. Antara kaedah yang dicadangkan adalah:
  - i. kerajaan perlu menyediakan **inisiatif** untuk pelaksanaan kaedah yang sesuai dalam konsep Madani dengan menerapkan konsep Madani ke dalam Rancangan Malaysia ke-12 seiring dengan perkembangan industri dan teknologi semasa;
  - ii. Dasar KPM atau KPT perlu ditambah baik dengan **menggabungkan aspek Pendidikan Sains dengan Pendidikan Sains Sosial** supaya masyarakat lebih bersedia menghadapi perkembangan teknologi semasa di samping tidak mengabaikan aspek kemanusiaan; dan
  - iii. pemerkasaan amalan **integriti yang tinggi** oleh institusi dan dasar sedia ada juga perlu ditingkatkan agar konsep Madani dapat dijayakan.

## **SOALAN 3**

YBhg. Tan Sri Dr Mazlan pada awal tadi menyatakan kebimbangan beliau tentang isu moral dan sahsiah diri murid masa kini. Petanda yang menggusarkan bahawa sistem pendidikan kita masih bergelut dengan cabaran membina generasi berkeperibadian luhur, menyuburkan elemen patriotisme serta menjadikan akhlak dan moral sebagai tunjang paradigma kejayaan, sebagaimana yang didambakan oleh gagasan MADANI. Apa pandangan Profesor?

### **YBHG. PROFESOR DATO' DR. SIVAMURUGAN PANDIAN**

1. Dalam usaha untuk memanusiakan pendidikan, terdapat tiga (3) roh nilai besar pendidikan iaitu **faham, hormat dan terima**. Kerangka besar dalam pendidikan ini dapat meningkatkan nilai untuk faham, kenal dan menerima perubahan yang sedang berlaku serta dapat mengelakkan sifat prejudis sesama bangsa yang mempunyai pelbagai latar belakang, selaras dengan nilai masyarakat MADANI.
2. Nilai memasyarakatkan pendidikan bermula di sekolah dan keluarga sebagai dinding dan asas kepada kepimpinan. Bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang diiktiraf, maka ia perlu mempunyai pelajar yang memiliki tingkah laku, personaliti, sahsiah, jati diri seiring dengan akhlak kelas pertama yang merupakan antara satu sifat patriotisme terhadap negara ini.
3. Nilai MADANI hendaklah diadun dengan tiga (3) roh nilai besar pendidikan untuk difahami, bukan sekadar untuk gagasan misi Kerajaan, tetapi sebagai asas **menyuburkan elemen patriotism** dalam masyarakat MADANI.

## **SOALAN 4**

Selain daripada isu moral dan sahsiah diri murid, satu lagi cabaran masa hadapan yang turut diberikan tumpuan oleh KPM adalah berhubung tahap kesihatan mental atau mental *wellness/wellbeing* di kalangan murid? Pada pemerhatian Datuk adakah isu ini memerlukan intervensi yang lebih menyeluruh?

### **YBHG. DATUK DR. MARY WONG LAI LIN**

1. Pelajar masa kini diletakkan pelbagai ekspektasi yang terlalu membebankan seperti ekspektasi ibu bapa yang meletakkan pencapaian cemerlang dalam pelajaran semata-mata. Bebanan ke atas impian ibu bapa yang mahukan kejayaan di bidang akademik ini menyebabkan pelajar berdepan dengan masalah kesihatan mental, contohnya tekanan (*stress*).
2. Tekanan yang dihadapi oleh pelajar berupaya mewujudkan masalah yang lain di sekolah seperti buli, isu-isu moral yang lain, jenayah dan sehingga ke tahap membunuh diri.
3. Cadangan intervensi yang lebih menyeluruh bagi mengatasi isu kesihatan mental atau mental *wellness/wellbeing* di kalangan murid adalah seperti berikut:
  - i. Ibu bapa perlu menyedari bahawa keputusan yang cemerlang bukanlah penentu segalanya sekiranya nilai-nilai kemanusiaan tiada dalam diri pelajar tersebut;
  - ii. Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menekankan bahawa pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlik mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara;
  - iii. Pelajar perlu ditanamkan dengan nilai-nilai murni seperti prihatin, bertanggungjawab, empati, kepunyaan diri, menjaga kebersihan dan lain-lain. Nilai-nilai murni ini perlu dilaksanakan secara fizikal (bukan hanya melalui pembacaan buku teks sahaja) dan dipupuk melalui aktiviti seperti membersihkan bilik darjah, mencuci tandas dan lain-lain. Secara tidak langsung, ia akan melahirkan pelajar yang bertanggungjawab, prihatin dan mengambil berat di antara satu sama lain; dan
  - iv. **Isu sosial** seperti **buli** juga seharusnya tidak disembunyikan agar semua pihak dapat membendung masalah ini daripada terus merebak.

## SUB-TEMA 4:

### DARI PENYATA RAZAK KE PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN: MEMASTIKAN TRAJEKTORI KECEMERLANGAN PENDIDIKAN

#### **SOALAN 1**

Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961, Akta Pendidikan 1996 dan sehingga kini Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. PPPM bakal berakhir tahun hadapan. Jadi apakah langkah KPM seterusnya dalam memastikan trajektori kecemerlangan pendidikan dapat terus dipertingkatkan?

#### **YBRS. TUAN HJ AZMAN HJ ADNAN**

1. KPM komited dalam merealisasikan hasrat untuk menjayakan reformasi pendidikan negara serta memberi komitmen tinggi untuk memastikan bahawa tiada warganegara Malaysia yang tercicir daripada arus pendidikan. Ia adalah usaha berterusan yang memerlukan komitmen, kerjasama dan sokongan semua pihak.
2. KPM kini sedang melaksanakan pelbagai inisiatif penting bagi mereformasikan pendidikan negara. Ini termasuk:
  - i. penstruktur semula sistem prasekolah;
    - kelas prasekolah akan diperluaskan di seluruh institusi pendidikan KPM.
    - peluasan kelas prasekolah memastikan isu keciciran murid dapat ditangani dari peringkat awal.
  - ii. Kurikulum Persekolahan 2027;
  - iii. intervensi kurikulum bagi menangani keciciran pembelajaran; dan
  - iv. pelbagai program bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme guru dalam perkhidmatan.
3. KPM juga telah menubuhkan **enam (6) pasukan petugas (taskforce)** bagi memperkasakan haluan pendidikan negara dalam beberapa bidang utama. Pasukan petugas berkenaan adalah:
  - i. **Pasukan Petugas Prasekolah**  
**Peranan:** menangani keciciran peringkat awal dengan melihat aspek peluasan kelas prasekolah dan memastikan penambahan premis prasekolah di institusi pendidikan KPM.
  - ii. **Pasukan Petugas Intervensi Kurikulum**  
**Peranan:** memastikan sokongan dan dokongan yang baik diberikan kepada para guru supaya kurikulum sedia ada dapat dilaksanakan sebaiknya.
  - iii. **Pasukan Petugas Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)**  
**Peranan:** memfokuskan kaedah untuk meningkatkan minat murid-murid terhadap subjek STEM dan menghasilkan lebih ramai bakat tempatan dalam bidang STEM untuk menangani cabaran dalam sektor pembuatan Malaysia pada masa depan.
  - iv. **Pasukan Petugas Pendidikan Digital**  
**Peranan:** memastikan Dasar Pendidikan Digital direalisasikan mencakupi usaha KPM untuk membangunkan murid fasih digital bagi memenuhi keperluan era digital serta mengupayakan pendidikan dan pemimpin pendidikan untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem Pendidikan.
  - v. **Pasukan Pertugas Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET)**  
**Peranan:** bertanggungjawab dalam usaha menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu bagi memenuhi permintaan industri serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, selaras dengan globalisasi, ekonomi berasaskan pengetahuan, kemajuan teknologi dan mobiliti tenaga kerja global.
  - vi. **Pasukan Petugas Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)**  
**Peranan:** memastikan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di semua sekolah kebangsaan dan sekolah menengah serta memastikan murid boleh menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan fasih dan betul.

## **SOALAN 2**

Melihat sedikit jauh ke hadapan, KPM pada ketika ini sedang merangka kurikulum baharu persekolahan yang bakal digunakan pada tahun 2027. Apakah pembaharuan sistem pendidikan yang ingin Profesor melihat melalui kurikulum kebangsaan yang baharu ini bagi memastikan trajektori kecemerlangan pendidikan dapat diteruskan?

### **YBHG. PROFESOR ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHRUDDIN**

1. Pekerjaan masa kini seperti jurutera, peguam dan sebagainya akan berubah pada masa hadapan akibat daripada kesan global iaitu kemajuan dan perkembangan teknologi.
2. Perancangan dan pencapaian kurikulum masa kini harus diteliti bagi membentuk serta membantu pelajar pada masa hadapan. Selain itu, kemunculan aktiviti ekonomi seperti “*gift economy*”, “*underground economy*” atau “*black economy*” juga penting dalam mengurus silibus dan kurikulum pendidikan. Perkara ini merupakan pembelajaran sosial yang tidak diterapkan dalam pendidikan ekonomi. Namun, ia memainkan peranan penting untuk mengimbangi perkembangan kemajuan teknologi, pendidikan serta aspek sosial dalam masyarakat pada masa hadapan.
3. Negara juga perlu meneliti dan merancang hala tuju keperluan pendidikan seiring dengan penyediaan keperluan pekerjaan yang lebih luas melalui pembelajaran formal dan tidak formal.
4. Penyertaan dalam persidangan dan forum antarabangsa yang terkini yang kerap juga perlu diberi penekanan supaya masyarakat bersedia dengan perubahan dan perkembangan pendidikan dan teknologi semasa.
5. Isu dan cabaran semasa adalah:
  - i. pembelajaran mengenai “*gift economy*” dan “*black economy*” tiada dalam kurikulum di bawah pelajaran ekonomi. Perkara ini dikhuatiri memberi kesan sosial ke atas masyarakat sebagai contoh, rasuah dan sebagainya; dan
  - ii. kementerian berkaitan juga terpaksa menghadapi keperluan pendidikan yang seimbang dengan ketersediaan peluang pekerjaan.
6. Perancangan dasar dan keperluan kurikulum pendidikan semasa perlu memberi penekanan dan penelitian kepada perkara seperti berikut:
  - i. menerapkan pembelajaran ekonomi semasa seperti “*gift economy*”, “*underground economy*” atau “*black economy*” dalam mendidik masyarakat;
  - ii. penerapan pembelajaran rasmi dan tidak rasmi seperti ‘*home schooling*’; dan
  - iii. kekerapan menghadiri persidangan dalam dan luar negara bagi pendedahan kepada perkembangan pendidikan dan teknologi semasa.

## **SOALAN 3**

Soalan terakhir saya mungkin sedikit kontroversi/*thought provoking*. Bagi memastikan trajektori kecemerlangan pendidikan dapat terus dipertingkatkan, wajarkah kita merombak sistem persekolahan di Malaysia? Wujudkan sekolah satu aliran sahaja. Tiada lagi sekolah vernakular. Tahun persekolahan di ubah dari 11 tahun sekarang ini kepada 10 tahun atau mungkin 9 tahun sahaja. Apakah pandangan Profesor?

### **YBHG. PROFESOR DATO' DR. SIVAMURUGAN PANDIAN**

1. Secara realitinya, sistem satu aliran adalah yang terbaik. Merujuk kembali kepada roh Penyata Razak atau mana-mana laporan, sistem satu aliran ini merupakan yang terbaik namun ia memerlukan **keazaman politik** untuk menuju ke arah sistem satu aliran.
2. Daripada perspektif yang berbeza, adalah lebih baik untuk memperkasakan sekolah kebangsaan agar menjadi satu-satunya pilihan sekiranya tiada keazaman perubahan tersebut. Sekiranya ia boleh dilaksanakan, masyarakat tidak akan melihat sekolah lain malah menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah induk. Perkara ini pernah berlaku satu masa dahulu iaitu menjadi satu-satunya sekolah pilihan iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Malim yang menjadi rebutan kemasukan pelajar kerana ia merupakan satu-satunya pilihan yang terbaik.

3. Peranan pelbagai pihak terutamanya iltizam serta usaha untuk memperkasakan pendidikan dengan menjadikan sekolah kebangsaan sebagai satu-satunya pilihan terbaik. Ini termasuk ketersediaan semua pihak dalam usaha untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama keluarga untuk menghantar anak-anak.
4. Dalam usaha untuk merealisasikan hasrat sekolah satu aliran, Kerajaan hendaklah memperkasakan sektor pendidikan dari sudut:
  - i. kurikulum;
  - ii. prasarana pendidikan; dan
  - iii. kemudahan-kemudahan lain.
5. Bagi cadangan untuk memendekkan lagi tempoh persekolahan, secara umumnya, Kerajaan mungkin boleh merancang daripada peringkat awal persekolahan, memandangkan perubahan pendidikan kini memerlukan peranan dan usaha pelbagai pihak terutamanya pemimpin. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## **SOALAN 4**

YBhg. Tan Sri Pengurus SPP membangkitkan tentang pencapaian negara dalam PISA dan juga Laporan *World Bank*. Datuk juga berkongsi kebimbangan beliau. Mungkin Datuk boleh kupas sedikit berhubung kebimbangan ini dan saranan bagaimana prestasi kecemerlangan pendidikan negara dapat dilonjakkan?

### **YBHG. DATUK DR. MARY WONG LAI LIN**

1. Tumpuan utama haruslah diberikan kepada guru dan pelajar yang merupakan golongan yang paling penting dalam sistem pendidikan negara.
  2. Guru seharusnya melaksanakan **tugas utama** iaitu **mengajar** dan bukanlah dikesampingkan dengan tugas-tugas lain seperti kerja-kerja pentadbiran. Melalui ini, ia dapat memberi lebih banyak ruang kepada guru untuk melaksanakan inovasi dan kreativiti dalam pengajaran. Secara tidak langsung guru dapat mencungkil kemahiran dan kepandaian murid-murid melalui pelbagai kaedah yang boleh dilaksanakan.
  3. Manakala, pelajar pula perlu diberikan peluang untuk menuntut ilmu melalui **kaedah eksplorasi, eksperimen dan pengalaman** agar sesi pembelajaran tersebut berupaya menimbulkan keseronokan kepada pelajar. Contohnya, negara Finland dan Jepun yang membenarkan pelajar menjual dan menyediakan makanan di kantin sekolah dilihat sebagai satu pengalaman sebenar yang berupaya membantu pelajar memahami keadaan dunia sebenar.
  4. Sewajarnya, penilaian ke atas keberhasilan guru dan pelajar bukanlah bergantung kepada markah atau pencapaian peperiksaan semata-mata. Penilaian sebegini akan memberikan tekanan kepada guru dan pelajar. Guru perlu mengaplikasikan pelbagai cara untuk membantu pelajar.
  5. Penilaian bersepadan berdasarkan inovasi, pemikiran kritis, berfikir di luar kotak, penyelesaian masalah, sahsiah dan keterampilan yang baik, komunikasi yang berkesan, hormat-menghormati antara satu sama lain (terutama yang berlainan bangsa dan agama), dan bakat haruslah dilaksanakan dan bukanlah penilaian yang berasaskan peperiksaan semata-mata.
-



# Soalan Peserta

Persidangan mengambil maklum perkara-perkara yang dibangkitkan peserta-peserta persidangan yang memohon penjelasan seperti yang berikut:



### SOALAN 1

